

DIARI JKSB

Edisi 3 /Julai — Sept. 2016

PENCAPAIN JKSB DALAM SUKU TAHUN KETIGA 2016



Kata-Kata Aluan

Ketua Jabatan

Sidang Editor

Penaung

P.M. Dr. Abd Halid Abdullah

Penasihat

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Ketua Editor

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Editor

Dr. Shahrul Niza Mokhtar

Dr. Mohd Hanif Ismail

Penyumbang Artikel

PM. DR. A.S.M. Abdul Awal

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Dr. Goh Wan Inn

Dr. Shahiron Shahidan

Dr. Mohd Hanif Ismail

Dr. Norwati Jamaluddin



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang ketiga pada tahun 2016 ini. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek sehingga saat ini. Jelas, warga JKSB sebenarnya mampu menjulang amanat yang telah diamanahkan dengan jayanya. Keyakinan ini bertambah dengan melihat kejayaan, komitmen dan semangat yang tinggi warga JKSB. Berkat usaha dan doa, saya yakin, warga JKSB akan terus meningkatkan prestasi dan kejayaan untuk suku ketiga tahun 2016 dengan mencipta lebih banyak kejayaan dan kegemilangan bersama.

Saya bagi pihak jabatan ingin juga mengucapkan selamat datang kepada warga JKSB yang baru iaitu Prof. Madya Dr. A. S. M. Awal Abdul untuk menjadi keluarga baru dalam JKSB. Saya yakin komitmen dan usaha beliau pasti akan membantu JKSB dalam mencapai kejayaan yang mendatang.

Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua staf JKSB untuk mengharungi sesi pengajaran dan pembelajaran semester 1 2016/2017. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan dan digandakan.

Saya di meja Ketua Jabatan JKSB ingin mengucapkan selamat hari raya aidiladha dan selamat Hari Kemerdekaan Malaysia ke 59. Marilah kita mengambil semangat ini untuk terus bersatu padu serta bekerjasama dalam memastikan objektif kita tercapai dengan jayanya.

Sekian, Wassalam.

Ketua Editor



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi ketiga untuk tahun 2016 telah berjaya disempurnakan. Penampilan Diari kali menggambarkan gerak kerja dan usaha untuk memasuki suku ketiga tahun 2016. Pelbagai perkongsian oleh warga JKSB dapat memberi manfaat kepada keseluruhan jabatan.

Akhir kata, saya mewakili pasukan editor Diari JKSB mengucapkan selamat hari raya aidiladha dan selamat hari kemerdekaan ke-59

Malaysia.

Sekian, Wasalam



Photo by Faisal Sheikh

**If You Are Working
On Something
That You Really
Care About, You
Don't Have To Be
Pushed. The
Vision Pulls You.**

Steve Jobs

LAWATAN TEKNIKAL :

MONASH UNIVERSITY DAN CREAM CIDB

Oleh: Dr. Norwati Jamaluddin

Seramai 7 orang Ahli Penyelidik dibawah Jamilus Research Centre (JRC) mengadakan lawatan teknikal sambil belajar ke Monash University dan CIDB CREAM, Kuala Lumpur. Lawatan teknikal tersebut di Ketuai oleh Ketua Pusat, Dr Norwati Jamaludin pada 15 Ogos 2016. Manakala wakil industri di wakili oleh Dr Maznim. Tujuan lawatan ni diadakan adalah untuk mempelajari dan membuat bench marking makmal JRC bersama makmal yang lain. Hasil lawatan ini akan membantu dalam arah penyelidikan dan perancangan pada masa akan datang di JRC. Lawatan teknikal ini akan terus dilakukan bagi memastikan pemetaan JRC yang relevan sebagai pusat penyelidikan yang terunggul di UTHM. Antara penyelidik JRC yang terlibat adalah Prof Madya Dr David, Dr Noorwirdawati, Dr Shahiron, En Sallehudin Syah Ayop, Pn Noor Azlina, Pn Norhafizah, dan wakil-wakil Industri.



THURSDAY COFFEE: OBE AWARENESS

Oleh: DR. Goh Wan Inn

Pada 8 September, program akademik siri 2016 bilangan ke 3 telah dianjurkan dibawah Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan (JKSB) iaitu JKSB Thursday Coffee. Program ini merupakan penjenamaan semula program Hi-Tea JKSB yang pernah diadakan sebelum ini. Aktiviti ini merupakan aktiviti santai yang menjadi platform bagi staf akademik, staf sokongan dan pelajar pasca siswazah JKSB untuk beramah mesra sambil berkongsi pengetahuan bidang kepakaran masing-masing. Selain itu, JKSB Thursday Coffee ini juga menjadi ruang untuk pelajar pasca siswazah untuk membentangkan ringkasan kemajuan penyelidikan kepada staf akademik. Pada JKSB Thursday Coffee yang ke 3 pada tahun 2016, Prof Madya Dr David Yeoh Eng Chuan telah membuat perkongsian mengenai OBE awareness. Sesi perkongsian ini turut dihadiri peserta-peserta yang terdiri daripada staf akademik JKSB dan pelajar pasca siswazah dibawah seliaan staf akademik JKSB.



Penghargaan daripada Ketua Jabatan



Sesi pembentangan oleh PM. Dr. David Yeoh



Staf yang hadir untuk mendalami OBE awareness

CONCRETE SOCIETY MALAYSIA STUDENT CHAPTER (CSM-SC) : *PERTAMA DI IPTA MALAYSIA*

Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid



Concrete Society Malaysia-Student Chapter merupakan sebuah persatuan professional yang dikolai oleh para pelajar yang minat terhadap konkrit di UTHM. CSM-SC digerakkan dan berkonsepkan seperti Institution of Engineers Malaysia-Student Section (IEMSS) iaitu merupakan persatuan bersifat nasional dan profesional yang boleh dianggotai oleh pelajar dari pelbagai fakulti di UTHM.

Penubuhan CSM-SC di UTHM akan meletakkan ia sebagai Persatuan Konkrit Malaysia pertama di Malaysia iaitu Student Chapter yang diurus tadbir oleh pelajar UTHM itu sendiri. Keahlian persatuan ini adalah bersifat terbuka kepada semua pelajar di UTHM.

Penasihat CSM-SC adalah PM. Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim dan penyelaras persatuan adalah Dr. Faisal Sheikh Khalid. Mesyuarat Agung Tahunan pertama akan dilaksanakan dalam masa terdekat.



BADMINTON TRAINING:

HADAPI SUKAN ANTARA JABATAN FKAAS

Oleh: Dr. Mohd Hanif Ismail

Latihan badminton JKSB telah berlangsung bertempat di Dewan Badminton Pura Kencana, Sri Gading bagi menghadapi sukan staf antara jabatan FKAAS dengan jayanya. Latihan ini telah melibatkan 10 orang kakitangan JKSB yang akan menyertai sukan staf antara jabatan FKAAS. Malahan, latihan ini dilihat merupakan wadah untuk mengeratkan hubungan siratulrahim antara staf JKSB. Diharap acara kesukanan sebegini yang mengeratkan siratulrahim dapat diperbanyakkan dan diteruskan dimasa hadapan.



SELAMAT DATANG: PM DR. A.S.M. AWAL ABDUL

Oleh: Professor Madya Dr. A.S.M. Abdul

Professor Madya Dr. A.S.M. Abdul Awal joined the Faculty of Civil and Environmental Engineering on 01 August 2016 after serving seven years at the Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru. Prior to joining UTM, he was a Professor in the Department of Farm Structure and Environmental Engineering of Bangladesh Agricultural University. Prof Abdul Awal has over 35 years of teaching and research experience in the field of cement and concrete technology. He is the pioneer researcher in utilizing palm oil fuel ash (POFA) in concrete, and recently introduced the concept of high volume POFA in green construction. In appreciation of his academic contribution, the government of Malaysia granted him Resident Pass in the year 2013. Prof Awal is a fellow of the Institution of Engineers Bangladesh (IEB) and member of the American Society of Civil Engineers (ASCE), Concrete Institute of Australia (CIA) and Malaysian Society for Engineering and Technology (MySET).



Seminar/Kursus/Program/Penerbitan/Perundingan Ahli JKSB

A.S.M. Abdul Awal, Hossein Mohammadhosseini, Green concrete production incorporating waste carpet fiber and palm oil fuel ash, *Journal of Cleaner Production*, Vol. 137, pp. 157-166, 2016 (Impact Factor: 4.959) (Q1).-PM. DR. A..S.M. Awal Abdul

T. N. T. Chik, M. F. Zakaria, M. A. Remali and N. A. Yusoff, "Vibration Response of Multi Storey Building Using Finite Element Modelling", *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, Volume 136 (2016). doi:10.1088/1757-899X/136/1/012037-Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik

N. A. Yusoff, M. N. Ramli, T. N. T. Chik, H. Ahmad, M. F. Abdullah, H. Kasmin and Z. Embong, "Soil-roots Strength Performance of Extensive Green Roof by Using *Axonopus Compressus*", *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, Volume 136 (2016). doi:10.1088/1757-899X/136/1/012020- Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik

3rd JCI-USM International Joint Seminar on Practical Approaches Towards Assessment, Repair and Strengthening of Crack Damaged Concrete Structures , Pillman Hotel, Kuching, Sarawak –PM. DR. Mohd Irwan Juki

International Conference on Material engineering and Application (ICMEA 2016) , Best Western Plus Hotel, Hong Kong – Dr. Norashida Abd Rahman

SUKA SUKI JKSB

